



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala Bekalan Pejabat dan Alatulis - (010201) bagi menyertai sebutharga berikut:

NO. SEBUTHARGA	SEBUTHARGA
SUK.KN.NO. :08/2021	Membekal Alat Tulis Kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Unit Stor) Bagi Tempoh Januari 2022 Sehingga Disember Tahun 2022

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat **mulai 05.12.2021 hingga 16.12.2021** di Unit Stor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Blok 7 Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan dengan menunjukkan **PERAKUAN PENDAFTARAN AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM), SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan menyerahkan satu (1) salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Borang Sebutharga. Borang Sebutharga bernilai **RM50.00**.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Aras 3, MABNA-MBI (Blok 8), Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari bertarikh 16.12.2021 (Khamis)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah/tinggi atau pun mana-mana tawaran.